

Kebajikan **B40**

■ Kumpulan paling terkesan akibat kenaikan sara hidup ekonomi semasa dibantu

Kuala Lumpur

Bajet 2016 yang dibentangkan semalam memberi fokus utama kepada meningkatkan taraf hidup kumpulan isi rumah 40 peratus terendah (B40) apabila pelbagai keutamaan diberikan kepada mereka.

Ketua Jabatan Pengurusan Sumber Manusia dan Pengajian Pengguna Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Mohamad

Fazli Sabri berkata, golongan itu menjadi prinsip utama kerajaan bagi mencapai masyarakat yang makmur dan seimbang.

“Kerajaan memperuntukkan RM100 juta kepada Institusi Latihan Kemahiran Swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi meningkatkan kemahiran golongan B40 untuk mendapat pekerjaan atau memulakan perniagaan.

“Langkah ini dijangka membantu melonjakkan lagi ekonomi golongan B40 seiring dengan saranan kerajaan,” katanya di sini, semalam.

Menurutnya, program e-Re-

zeki dan e-Usahawan akan diperluaskan ke seluruh negara untuk menambah peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan mereka.

“Dalam bajet, kerajaan menyasarkan 100,000 dari kalangan B40 mendapat manfaat dengan peruntukan RM100 juta yang disediakan Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

“Mungkin kerajaan belajar dari pengalaman lalu berikutan golongan B40 yang paling terkesan dengan ekonomi semasa dengan peningkatan sara hidup sekarang,” katanya.

Beliau berkata, dengan pelbagai bantuan diberikan, diharapkan ia dimanfaatkan golongan itu untuk meningkatkan taraf hidup mereka.



FAKTA
Kerajaan sasar
100,000 B40 dapat
manfaat peruntukan
RM100 juta



“ Pengumuman peruntukan RM100 juta untuk Institusi Latihan Kemahiran Swasta dan NGO dapat memberi manfaat kepada golongan belia untuk meningkatkan pendapatan”

Anis Liyana Nazri, 25, jururawat

